



| | | | |
|------------|-------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | AIA yakin potensi skim untuk pesara | | |
| MediaTitle | Berita Harian | Color | Full Color |
| Date | 21 May 2013 | Circulation | 192,982 |
| Section | Ekonomi | Readership | 1,521,000 |
| Page No | B7 | ArticleSize | 239 cm ² |
| Language | Malay | AdValue | RM 8,091 |
| Journalist | Nasuha Badrul Huzaini | PR Value | RM 24,274 |
| Frequency | Daily | | |



AIA yakin potensi skim untuk pesara

» PRS penuhi keperluan pelanggan ikut usia

Oleh Nasuha Badrul Huzaini

nasuha@mediaprima.com.my

American International Assurance Bhd (AIA) yakin dapat mengukuhkan lagi rangkaian produknya secara menyeluruh dengan pelancaran Skim Persaraan Swasta (PRS).

Ketua PRS AIA Pension and Asset Management Sdn Bhd (AIA PAM), Tan Jin Teik, berkata produk berkenaan mempunyai empat jenis dana yang berbeza bagi memenuhi keperluan pelanggan mengikut kumpulan usia yang berlainan.

Ia disasarkan untuk menangani masalah perlindungan, simpanan dan keperluan persaraan 2.6 juta pemegang polisinya.

“Produk PRS kami terdiri daripada Dana Pertumbuhan, yang disediakan bagi mereka yang berusia antara 40 tahun, Dana Sederhana bagi kumpulan umur 40 hingga 49 tahun, Dana Konservatif yang direka khas bagi mereka yang sudah

berusia 50 tahun ke atas serta Dana Islamik Sederhana yang mematuhi peraturan Syariah.

“Semua dana terbabit akan dilaburkan dalam ekuiti dan instrumen pendapatan tetap, menurut peratusan yang berbeza bergantung kepada profil risiko yang berbeza,” katanya ketika ditemui di Kuala Lumpur, semalam.

Dianugerah lesen PRS

AIA PAM adalah cabang pengurusan dana bagi AIA Malaysia dan ia adalah satu daripada dua buah syarikat insurans hayat yang telah dianugerahkan lesen PRS oleh Suruhanjaya Sekuriti pada 2012.

Tambahnya, sehingga akhir Mac tahun ini, hanya 24,000 rakyat Malaysia sudah mendatangani untuk pilihan dana persaraan yang ditawarkan lan penyedia skim berkenaan di negara ini.

“Dari segi potensi pasaran, ia

dilihat berpotensi kerana Malaysia mempunyai lebih dua juta orang dewasa bekerja sendiri dan tidak dilindungi di bawah skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP),” katanya.

Tan berkata, pihaknya juga akan menggunakan tenaga kerja agensi AIA yang memiliki hampir 17,000 ejen Perancang Hayat yang telah dilatih khusus untuk membantu pengguna merancang keperluan perlindungan semasa memasarkan dana PRS.

“Mereka juga akan mendidik pelanggan mengenai manfaat yang boleh diperoleh melalui PRS kerana perancangan persaraan bukan hanya untuk warga emas saja,” katanya.

Beliau berkata, pasaran dana persaraan di negara ini di peringkat awal dan belum di teroka sepenuhnya, justeru pihaknya menyasar untuk memberikan pulangan yang mem berangsangkan menerusi produk PRS keluarannya.



| | | | |
|------------|-------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | AIA yakin potensi skim untuk pesara | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 21 May 2013 | Color | Full Color |
| Section | Ekonomi | Circulation | 192,982 |
| Page No | B7 | Readership | 1,521,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 239 cm ² |
| Journalist | Nasuha Badrul Huzaini | AdValue | RM 8,091 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 24,274 |



“
Semua dana terbabit akan dilaburkan dalam ekuiti dan instrumen pendapatan tetap, menurut peratusan yang berbeza bergantung profil risiko yang berbeza”

Tan Jin Teik,
Ketua PRS AIA Pension and Asset Management Sdn Bhd